



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MAKLUMAT TERKINI PENGGUNAAN APLIKASI BRUHEALTH BAGI
MASJID UNTUK MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT PADA
HARI JUMAAT 29HB MEI 2020**

Tarikh: 26 Mei 2020

1. Terlebih dahulu saya ingin merujuk sidang media yang telah diadakan pada hari Sabtu, 23hb Mei 2020, mengenai kaedah penggunaan aplikasi BruHealth di masjid-masjid bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat bermula hari Jumaat 29hb Mei 2020. Alhamdulillah, ramai yang sudah mula mendaftar untuk membuat tempahan slot bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat nanti menerusi aplikasi BruHealth.
2. Aplikasi BruHealth bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat sudah dapat digunakan kelmarin iaitu pada hari Isnin, 25hb Mei 2020 bermula jam 12.00 tengahari. Setakat ini seramai, 24,689 orang telah membuat tempahan slot. 33 buah masjid telah merekodkan melebihi 50% kapasiti yang dibenarkan, manakala 11 daripadanya mencatatkan melebihi 80%. Ini adalah pencapaian yang baik bagi menunjukkan penggunaan aplikasi BruHealth telah banyak digunakan oleh orang ramai.
3. Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak pengguna yang belum dapat memuat turun aplikasi BruHealth disebabkan oleh penggunaan android dan IOS versi lama yang tidak *compatible* dengan BruHealth, oleh itu, usaha-usaha untuk membolehkan mereka mendaftarkan masuk



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

ke masjid-masjid sedang giat dilaksanakan. Antara cara yang dapat digunakan pada masa ini ialah dengan menggunakan web-app dengan melayari laman web www.healthinfo.gov.bn dan seterusnya mendaftarkan maklumat peribadi. Menerusi webpage tersebut, pengguna boleh terus memohon untuk sembahyang fardhu Jumaat di ruang atau tab yang disediakan dan memilih masjid yang akan dikunjungi. Satu kod QR seterusnya akan dipaparkan untuk menunjukkan penerimaan sembahyang fardhu Jumaat. Kod QR yang diperolehi menerusi aplikasi BruHealth atau web-app, perlulah ditunjukkan sebelum memasuki masjid. Awda juga adalah diingatkan untuk membuat *self-assessment* setiap hari sebelum dan selepas sembahyang fardhu Jumaat nanti.

4. Sehubungan dengan ini, sukacita ditekankan disini, kepada sesiapa yang berisiko tinggi yang telah ditentukan melalui aplikasi BruHealth, kanak-kanak berumur dibawah 15 tahun dan perempuan adalah juga tidak dibenarkan pada peringkat awal ini untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di masjid. Sukacita juga menasihatkan, mana-mana individu yang gagal membuat tempahan untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, samaada disebabkan oleh kesihatan atau tidak mendapatkan slot sembahyang Jumaat, adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri ke masjid bagi mengurangkan kesesakan masuk ke kawasan masjid dan sebagainya.



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Dalam kesempatan ini, sukacita memaklumkan juga, bagi fasa seterusnya nanti, InshaAllah pihak Kerajaan akan mengikhtiarkan lagi pelbagai cara untuk melarutkan aplikasi ini khususnya yang memerlukan '*people engagement*' seperti di institusi-institusi pendidikan. Ini adalah selaras dengan langkah-langkah '*deescalation*' mengikut fasa-fasa yang dalam perancangan. Inilah hakikatnya '*the new norm*' ataupun norma baru yang kita perlu menerima, '*adapt*' dan '*adopt*'. Ianya memerlukan '*whole of nation approach*' untuk kita mengatasinya dengan mengamalkan pengimbasan Kod QR semasa masuk dan keluar premis untuk kesejahteraan bersama bagi mengawal penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.
6. Alhamdulillah, setakat ini kita telah berjaya untuk '*flattened the curve*', InshaAllah dengan usaha berterusan Kerajaan memperkenalkan langkah-langkah bagi menangani dan mengatasi pandemik COVID-19 dan sokongan padu daripada semua pihak, kita akan dapat meneruskan kehidupan seharian kita dengan selamat dan terpelihara daripada wabak ini.